

Sungai tong sampah

Sungai Pinang dicemari bahan buangan hingga berbau

>>Oleh Syed Ismail
Syed Abu Bakar
am@hmetro.com.my

GEORGETOWN: Sikap tidak bertanggungjawab sebilangan besar penduduk terutama mereka yang tinggal di tebing Sungai Pinang dengan menjadikan sungai itu sebagai tong sampah menyebabkan ia kini dipenuhi pelbagai sampah terapung.

Pencemaran teruk itu turut menyukarkan usaha Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri yang mahu memulihkan Sungai Pinang kini pada tahap paling tercemar.

Tinjauan Metroplus di tebing sungai berhampiran Jalan Veterinary, di sini, mendapati ia dipenuhi sampah-sarap terapung dan jumlahnya terus meningkat setiap

kali selepas hujan lebat.

Sungai itu yang panjangnya kira-kira 3.6 kilometer adalah sungai utama di Lembangan Sungai Pinang seluas 50.97 km persegi di daerah Timur-Laut (DTL).

Penduduk sekitar meluahkan rasa sedih kerana saban hari terpaksa berdepan masalah sama.

Air sungai itu bukan saja berselut, malah berlumpur dan berkelodak berpunca daripada pelepasan sisa kumbahan domestik, pembuangan sampah serta kumbahan industri sejak sekian lama.

Seorang penduduk yang hanya mahu dikenali sebagai Abdul Wahid, 48, berkata mereka terpaksa menghidu bau sampah-sarap terapung di sungai berhampiran ham-pir saban hari.

“Kami merayu penduduk berhampiran tebing sungai ini supaya lebih berdisiplin dan tidak menjadikan sungai sebagai sasaran pembuangan sampah sebaliknya menggunakan kemudahan tong sampah disediakan,” katanya.

Menurutnya, penduduk meminta Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan JPS melipat gandakan usaha membersihkan sungai itu daripada sampah-sarap terapung.

Difahamkan, akibat pencemaran itu, kakitangan kontraktor pembersihan terpaksa membersihkan sampah-sarap antara 200 hingga 300 kilogram setiap hari sebelum dibawa ke tapak pembuangan sampah.



KOTOR...sampah-sarap terapung mencemari Sungai Pinang berhampiran Jalan Veterinary, Georgetown.